

Kefahaman Konsep Asas Dialog Antara Agama di Kalangan Ketua Agama Islam dan Kristian di Malaysia dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial

Religious Leader (Islam & Christianity) Understanding of Inter-faith Dialogue Basic Concept in Malaysia and its Effect to Social Relations

Khairulnizam Mat Karim (Pengarang Penghubung)
Universiti Tenaga Nasional, Kampus Sultan Hj.Ahmad Shah,
26700, Muadzam Shah, Pahang, Malaysia
Tel:+6019-3935245 Emel:KhairulNizam@uniten.edu.my

Khadijah Mohd Khambali@Hambali
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Lembah Pantai, 50603,
Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +60192576570 Emel:ijamh@um.edu.my

Suzy Aziziyana Sali
Universiti Tenaga Nasional, Kampus Sultan Hj.Ahmad Shah,
26700, Muadzam Shah, Pahang, Malaysia
Tel:+6019-6932866 Emel:suzy@uniten.edu.my

Abstrak

Tujuan utama kajian ini adalah untuk (1) mengukur tahap kefahaman ketua agama (Islam dan Kristian) terhadap konsep asas dialog antara agama, (2) menganalisa faktor disebalik pemahaman yang dibina, dan (3) menganalisa kesan-kesan terhadap perhubungan sosial mereka. Kajian ini menggunakan kaedah Persampelan Bertujuan (Purposeful Sampling) dalam menentukan responden yang bersesuaian, dimana jumlah responden Islam dan Kristian adalah masing-masing

36 dan 37. Pengkaji menggunakan kaedah soalselidik dalam mengumpul maklumat dan Skala Likert (Likert Scale) (1-5) digunakan dalam mengukur tahap kefahaman dan kesannya, yang dibangunkan sebagai “Skala Tahap Kefahaman Dialog (SKTD)” dan “Skala Kesan Hubungan Sosial (SKHS)”. Pengkaji juga menggunakan Kaedah Perbandingan Tetap (Fixed Comparison) dan Analisis Matriks

dalam menganalisa data, dimana keputusannya adalah bersifat deskriptif. Kesimpulan penting yang diperolehi daripada kajian ini, (1) tahap kefahaman ketua agama Islam dan Kristian adalah sama kerana kedua-duanya berada dalam kategori “Faham (F)”, iaitu tahap keempat dalam Skala Tahap Kefahaman Dialog (STKD). (2) Faktor utama yang menyumbang kepada pemahaman itu ialah (a) Faktor 1 (F1): tahap pendidikan / pendidikan formal dalam agama, (b) Faktor 2 (F2): mempunyai pengalaman terlibat dalam aktiviti dialog antara agama, dan (c) Faktor 3 (F3): tahap keagamaan. (3) Walaupun tahap kefahaman adalah sama bagi kedua-dua kumpulan responden tetapi Ketua Agama Kristian mendapat skala “Tinggi (T)” dalam pengukuran kesan kefahaman terhadap hubungan sosial. Sebaliknya Ketua Agama Islam berada di tahap pertengahan iaitu “Sederhana (S)” berdasarkan kepada Skala Kesan Hubungan Sosial (SKHS). Menggunakan Analisis Matriks, keputusan menunjukkan perkaitan antara pemahaman terhadap konsep asas dialog antara

agama dengan perhubungan sosial responden tetapi ianya dicetuskan oleh beberapa faktor bagi setiap kumpulan responden. Kajian ini juga mendapati bahawa Faktor 4 (F4): Faktor Polisi Semasa (organisasi) mempunyai kewajaran yang tinggi yang menyebabkan keseluruhan impak sederhana terhadap perhubungan sosial Ketua Agama Islam menyebabkannya berada pada skala "Sederhana (SD)". Ketua Agama Kristian pula sebaliknya mendapat skor "Tinggi (T)" terhadap hubungan sosial mereka yang disumbangkan oleh Faktor 1 (F1): Tahap pendidikan / pendidikan formal dalam agama dan Faktor 4 (F4): Faktor polisi semasa (organisasi).

Katakunci: Ketua Agama; Dialog antara Agama; Hubungan sosial; Islam; Kristian

Abstract

The objectives of this study are (1) to measure level of understanding of religious leaders (Islam and Christianity) on the basic concept of interfaith dialogue, (2) to analyze the factors of the developed understanding and (3) to analyze its effects on their social relation. This study uses purposive sampling method in determining the appropriate number of respondents and total respondents for Islam dan Christianity are 36 to 37. The authors use questionnaire in collecting data with Likert Scale (1-5) in measuring the level of understanding and its effect, which is developed as *Skala Tahap Kefahaman Dialog* (STKD) and *Skala Kesan Hubungan Sosial* (SKHS). The authors also use Fixed Comparison Method and Matrix Analysis in analyzing the collected data, whereby the results were descriptive in nature. Major conclusion that could be drawn from the study is that the level of understanding between Islam and Christian Religious Leader on the basic concept of interfaith dialogue are equal as both are in the category "Faham (F)" the fourth level of *Skala Tahap Kefahaman Dialog* (STKD). The main factors which contributed to those understanding are (a) Factor 1 (F1): level of education/formal education on religion,

(b) Factor 2 (F2): past experience in interfaith dialogue activities and (c) Factor 3 (F3): level of respondent religiosity. Eventhough the level of understanding is equal for both groups of respondent, Christian Religious Leader has higher scale "Tinggi (T)" on the effects of those understanding to social relation in comparison to Muslim Religious Leader is in the mid level of "Sederhana (SD)" based on Skala Kesan Hubungan Sosial (SKHS). Using Matrix Analysis, the result shows that there is correlation between the understanding on interfaith dialogue basic concepts with the respondents' social relation but was contributed by different factors for every group of respondents. Thus this study found that Factor 4 (F4): Factor of Current Policy (Organization) has a heavy weightage which formed an overall average impact to Muslim Religious Leader social relation only in the scale of "Sederhana (SD)". On the other hand, Christian Religious Leader scored "Tinggi(T)" for their social relation which is contributed by Factor 1 (F1): level of education / formal education on religion and Factor 4 (F4): Factor on Current Policy (Organization).

Keywords: Religious Leader; Interfaith Dialogue; Social Relation; Islam; Christianity

Latar Belakang Kajian

Pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia telah berlangsung selama setengah abad (Ghazali, 2005; Yusri, 2007; Wan Sabri dan Arfah, 2012) atau lebih tepat mengikut catatan tahun iaitu 55 tahun. Manakala pelaksanaan secara aktif adalah 28 tahun (Khairulnizam dan Suzy, 2012). Khairulnizam (2005) menyatakan bahawa pelaksanaan dialog ini dilihat sebagai satu metode perdamaian (*reconciliation method*) yang menyumbang kepada faktor kesatuan di samping mengelakkan perpecahan terutama isu-isu sensitif seperti isu keagamaan. Walaubagaimanapun beliau turut menimbulkan persoalan adakah dari sudut pelaksanaan dalam realiti semasa dialog dapat memainkan peranan sebagai platform atau metode perdamaian di

kalangan masyarakat berbilang agama, bangsa dan budaya seperti di Malaysia ini. Ini adalah kerana dengan berdasarkan kepada realiti semasa isu-isu antara agama yang masih berlaku dan seakan dialog tidak berperanan dalam proses penyelesaian konflik. Di antara isu-isu adalah seperti (1) berkait rapat dengan pentadbiran agama, (2) pelaksanaan undang-undang atau polisi kerajaan yang memberi kesan terhadap agama seperti pembinaan rumah ibadah, sistem mahkamah sivil dan sharī'ah, isu penukaran agama, (3) isu penggunaan terminologi al-Qur'ān dan bahasa 'Arab, (4) isu pengkebumian saudara baru, (5) isu dakwah kepada agama lain secara langsung dan tidak langsung, (6) isu kefahaman agama dan adat resam (Khairulnizam dan Suzy, 2012). Kebanyakan isu yang berlaku adalah melibatkan Islam dan Kristian. Dengan isu-isu yang berlaku telah menunjukkan dialog antara agama masih lagi dilihat rapuh untuk menjadi platform atau metode terbaik dalam menangani konflik antara agama tambahan lagi ketua agama Islam dan Kristian yang berfungsi dalam konteks pelaksanaan dialog dan hubungan antara agama di peringkat nasional tidak berperanan dalam menyelesaikan isu-isu hubungan antara agama (Mahathir, 2002; Abdullah, 2004; Ghazali, 2005 dan Hunt, 2009). Sedangkan menurut Lowndes dan Chapman (2005) dan Yasril (2005) terdapat rasional yang amat tinggi di mana terdapat keperluan untuk ketua agama terlibat dalam pelaksanaan dialog antara agama di peringkat nasional.

Oleh kerana ketua agama adalah sangat penting dalam pelaksanaan dialog antara agama maka mereka hendaklah terdiri daripada mereka yang *competent, knowledgeable, committed* kepada agama masing-masing (Kamar Oniah, 2010). Khairulnizam (2005) turut menyatakan bahawa pemilihan panel harus menyeluruh dan bukan hanya melihat kepada jawatan yang disandang dalam organisasi yang diwakili tetapi meliputi ilmu dalam dialog antara agama. Ini adalah kerana peranan yang harus dimainkan oleh mereka bukan sekadar menggalas tanggungjawab kepada diri dan organisasi yang diwakili tetapi kepada agama yang mereka

anuti dan masyarakat secara umum jika ia melibatkan kepentingan negara. Di samping itu kejayaan atau kegagalan mereka ini dalam menyempurnakan tanggungjawab sebagai pendialog sudah pasti akan memberi kesan langsung kepada hubungan antara agama. Yasril (2005) turut menyenaraikan bahawa salah satu faktor kegagalan pelaksanaan dialog antara agama adalah disebabkan oleh kegagalan kumpulan yang terlibat di dalam dialog memahami konsep dialog antara agama itu sendiri. Yang dimaksudkan dengan konsep asas dialog antara agama adalah sebagaimana yang telah dibina oleh Khairulnizam (2005) iaitu merangkumi (a) definisi, (b) objektif (c) prinsip, (d) panduan dan (e) peraturan dialog. Terdapat satu kajian yang dilakukan oleh Khairulnizam dan Suzy (2012) terhadap tahap kefahaman konsep asas dialog dan kesan terhadap hubungan sosial di mana responden adalah terdiri daripada ketua-ketua organisasi agama. Kajian menunjukkan bahawa kefahaman yang baik terhadap konsep asas dialog antara agama menyumbang kepada hubungan sosial yang baik di kalangan ketua organisasi agama. Di antara faktor yang menyumbang adalah (1) tahap pendidikan responden (termasuk tahap pendidikan agama), (2) latar belakang pekerjaan, (3) sumber pengetahuan terhadap dialog dan (4) pengalaman dalam aktiviti dialog. Jika dilihat daripada kajian luar negara terdapat tambahan faktor yang menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan dialog dan juga kesan hubungan sosial dalam model dialog yang dibina oleh mereka iaitu (1) tahap keagamaan, (2) faktor politik, (3) faktor tuntutan semasa (organisasi yang menaungi pendialog) dan faktor prestij (Longchar, 2009; Sterland dan Beauclerk, 2008; Fitzsimmons, 2008; Doctor, 2008; Halsall dan Roebben, 2006; Lowndes dan Chapman, 2005; Special Report, 2004; Moberg, 2003; dan Mohamad Abu Nimer, 2001). Dengan ini penulis telah menggabungkan seluruh faktor tersebut untuk digunakan dalam kerangka kajian ini iaitu dengan Faktor 1 (F1): Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama, (2) Faktor 2 (F2): Pengalaman dalam aktiviti dialog, Faktor 3 (F3): Tahap Keagamaan, Faktor 4

(F4): Tuntutan Semasa (organisasi menaungi responden), Faktor 5 (F5): Faktor politik dan Faktor 6 (F6): Faktor prestij.

Justeru kajian harus dijalankan untuk melihat tahap kesediaan pendialog seperti ketua agama Islam dan Kristian di Malaysia dalam aspek pemahaman dan kesan kepada hubungan sosial mereka dan seterusnya akan turut memberi kesan kepada masyarakat majmuk di Malaysia. Dengan maklumat yang diperolehi satu kerangka model atau pelan perancangan akan dapat dibentuk bagi mengatasi kekurangan yang masih wujud di dalam proses pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia seterusnya menjayakan gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keenam Datuk Seri Najib Tun Razak iaitu dalam lingkungan kajian ini dijalankan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk (1) mengukur tahap kefahaman Ketua Agama Islam dan Kristian terhadap konsep asas dialog antara agama seperti definisi, tujuan, prinsip, panduan dan peraturan dialog, (2) mengukur tahap kesan kefahaman Ketua Agama Islam dan Kristian terhadap hubungan sosial dalam tema Interaksi Sosial, Sikap Eksklusif, Sikap Altruistik, Kerjasama dalam menangani Konflik dan Kesan dalam hal-hal Dakwah dan Mubaligh (*Missionary*) dan (3) menganalisa faktor yang mempengaruhi kefahaman dan kesan Ketua Agama Islam dan Kristian terhadap konsep asas dialog antara agama dan hubungan sosial.

Metodologi Kajian

(a) Sampel Kajian.

Memandangkan kajian ini difokuskan kepada dua agama iaitu Islam dan Kristian maka kumpulan responden yang diputuskan oleh penulis yang mewakili kumpulan ketua agama Islam dan Kristian adalah (1) Ahlijawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang terdiri daripada para Mufti setiap negeri, ahli lantikan pakar bidang agama dan bidang terpilih dan (2) Pegawai Agama

Bahagian Dakwah Negeri bagi responden Islam. Manakala bagi responden Kristian adalah (1) Ahlijawatankuasa Tertinggi Majlis Gereja-Gereja seMalaysia (CCM) yang terdiri daripada para Paderi dan (2) Ahli Bersekutu dan Gabungan Majlis Gereja-Gereja seMalaysia (CCM) juga terdiri daripada para Paderi dan Ketua-ketua organisasi. Majlis Gereja-Gereja seMalaysia (CCM) juga adalah ahli Persekutuan Kristian Malaysia di mana terdapat Ahli Tertingginya menjadi Ahlijawatankuasa Persekutuan Kristian Malaysia di peringkat nasional. Di dalam kaedah penyelidikan, prosedur penyelidikan ini dikategorikan sebagai Persampelan Bertujuan (*Purposive sampling*) (Chua, 2006a, Berg, 2009; dan Merriam, 1998) iaitu merujuk kepada sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri dan faktor-faktor tertentu untuk dipilih sebagai responden.

Jadual 1 di bawah menunjukkan populasi sampel yang sebenar dan populasi sampel yang diperolehi semasa proses pengumpulan data melalui kaedah soal selidik.

Merujuk kepada Jadual 1 di atas sampel yang diperolehi daripada responden ketua Agama Islam dan Kristian adalah 36 dan 28 responden dan keseluruhan populasi responden adalah seramai 64. Berdasarkan kepada pengiraan populasi-sampel, Krejcie dan Morgan sebagaimana yang dihuraikan oleh Chua Yan Piaw (2006a) dalam "Jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970)", jika (1) populasi kajian adalah 70 maka sampel yang terbaik adalah 59. Manakala jika populasi seramai 75 maka sampel terbaik adalah 63 responden. Maka dengan jumlah populasi kajian dan sampel yang telah dikumpul oleh penulis dalam kajian ini iaitu 73 – 64 maka ia berada di tengah-tengah jadual penentuan saiz sampel dan jumlah itu mempunyai kesahan yang tinggi dengan 88% (64 responden daripada 73 jumlah populasi) untuk data-data tersebut dianalisa. (b) Pengumpulan data soal selidik. Sebelum edaran soal selidik dilaksanakan penulis telah mendapat Surat Sokongan daripada Pengarah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, merangkap Pengerusi Jawatankuasa

Jadual 1: Jadual Populasi dan Sampel kajian bagi kumpulan ketua agama Islam dan Kristian

Responden	Kategori Responden	Jumlah Populasi Mengikut Kategori	Jumlah Populasi Responden	Jumlah dapatan sampel mengikut kategori	Jumlah dapatan sampel keseluruhan	Peratus dapatan sampel
Responden Islam	AJK Fatwa Kebangsaan	22	36	22	36	100 %
	Pegawai Agama Dakwah Negeri	14		14		
Responden Kristian	Paderi(AJK Tertinggi CCM dan Ahli CCM)	24	37	15	28	76 %
	Ketua, Ahli Bersekutu & Gabungan CCM	13		13		
JUMLAH			73		64	88 %

untuk Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama(JKMPKA) iaitu Y.Bhg. Dato' Azman Amin Hasan. Ini adalah kerana hal-hal hubungan antara agama adalah di bawah bidangkuasa Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri.

(i) Data soal selidik ketua agama Islam: borang soal selidik diedarkan dengan bantuan Puan Nor Safina bt. Zainal, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Fatwa. Dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Fatwa ini penulis telah berjaya mengedarkan borang soal selidik kajian pada 5-6 Mei 2012 semasa responden menghadiri Muzakarah Kali ke 99 di Jakim Putrajaya. Manakala kaedah pos telah digunakan terhadap responden Pegawai Agama Bahagian Dakwah Negeri.

(ii) Data soal selidik ketua agama Kristian: borang soal selidik telah diedarkan kepada setiap responden dengan kaedah pos kepada alamat responden sebagaimana diperolehi di dalam laman sesawang Majlis Gereja-Gereja seMalaysia. Sebelum itu penulis juga telah menghantar surat sokongan kepada Setiausaha Agung Majlis Gereja-Gereja seMalaysia bagi menyokong pendedaran borang soal selidik tersebut.

Analisa Data

Analisis data (deskriptif): Menurut Chua (2006b) terdapat sepuluh kaedah analisis data bagi kajian kualitatif. Maka dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan dua kaedah yang disenaraikan iaitu, (1) Kaedah Perbandingan Tetap dan (2) Kaedah Analisis Matriks di mana amat bersesuaian dengan kajian yang akan dijalankan di mana kaedah ini telah digunakan oleh Khairulnizam dan Suzy (2012), Lian (2010) dan Ghazali (1988).

(1) Kaedah Perbandingan Tetap: Berdasarkan kepada tajuk kajian yang akan dijalankan, ia adalah satu kajian perbandingan. Maka sudah pasti kaedah analisis data yang utama adalah kaedah analisis data perbandingan. Di antara fokus perbandingan yang akan dilaksanakan adalah perbandingan tahap kefahaman responden iaitu di antara Ketua Agama Islam dan Kristian di samping faktor-faktor yang mempengaruhinya. Perbandingan seterusnya adalah perbandingan dari segi kesan terhadap hubungan sosial di antara kedua-dua kumpulan responden. Perbandingan hubungan sosial ini merangkumi, (1) Interaksi sosial responden dialog antara agama, (2) Sikap Eksklusif (3) Sikap Altruistik, (4) Kerjasama dalam

menangani konflik dan (5) Kerjasama dalam hal-hal Dakwah dan Mubaligh (*Missionary*).
 (2) Kaedah Analisis Matriks: Kaedah ini juga dikenali sebagai Kaedah Analisis Logikal. Memandangkan kajian yang bersifat kualitatif ini tidak dapat digeneralisasikan (kepada ketua-ketua semua agama di Malaysia) dan tidak mencari signifikansi hubungan kedua-dua variabel (kefahaman – kesan) seperti di dalam kajian-kajian kuantitatif maka analisis secara logik/gambaran kasar harus dilaksanakan terhadap suatu perhubungan sebab, faktor, dan kesan sesuatu perkara yang akan dikumpulkan di dalam kajian ini. Oleh itu gambaran kasar atau secara umum akan dapat dilaporkan berdasarkan fokus responden iaitu kefahaman Ketua Agama Islam dan Kristian terhadap asas-asas dialog antara agama dan kesan tema-tema hubungan sosial di antara mereka. Hasil kajian akan dapat dijadikan panduan dan asas bagi sasaran kumpulan yang lain seperti kepada ketua agama-agama lain di Malaysia.

Dapatan Kajian: Kefahaman Konsep Asas Dialog Antara Agama

(a) Tahap kefahaman ketua agama Islam secara keseluruhan terhadap konsep asas dialog antara agama.

Untuk menentukan atau mengukur tahap kefahaman ketua agama Islam dan Kristian terhadap konsep asas dialog antara agama penulis telah membina skala tahap kefahaman yang diberi nama “Skala Tahap Kefahaman Dialog (STKD)” dengan bersandarkan Skala Tahap Kefahaman Dialog (STKD) Khairulnizam dan Suzy (2012). Skala ini dibina adalah berdasarkan jumlah keseluruhan markah asal dalam setiap kategori konsep asas dialog antara agama yang perlu dikumpul oleh seorang responden. Jika seorang responden mendapat markah yang tinggi maka responden mempunyai kefahaman yang tinggi terhadap konsep asas dialog antara agama dan jika markah yang dikumpul adalah rendah maka kefahaman juga rendah.

Jadual 2: Skala Tahap Kefahaman Dialog bagi AJK Fatwa Kebangsaan

Bil.	Kategori Tahap	Skala Tahap Kefahaman X Responden	Jumlah Skala Tahap Kefahaman Dialog
1.	Sangat Faham (SF)	120X 22	2113 - 2640
2.	Faham (F)	96 X 22	1585 – 2112 (1849)
3.	Tidak Pasti (TP)	72 X 22	1057 - 1584
4.	Rendah Kefahaman (RF)	48 X 22	529 - 1056
5.	Sangat Rendah Kefahaman (SRF)	24 X 22	0 - 528

Jadual 3: Skala Tahap Kefahaman Dialog bagi Pegawai Agama Dakwah Negeri

Bil.	Kategori Tahap	Skala Tahap Kefahaman X Responden	Jumlah Skala Tahap Kefahaman Dialog
1.	Sangat Faham (SF)	120X 14	1345 - 1680
2.	Faham (F)	96 X 14	1009 – 1344(1243)
3.	Tidak Pasti (TP)	72 X 14	673 - 1008
4.	Rendah Kefahaman (RF)	48 X 14	337 - 672
5.	Sangat Rendah Kefahaman (SRF)	24 X 14	0 - 336

Jadual 4: Skala Tahap Kefahaman Dialog bagi keseluruhan Ketua Agama Islam

Bil.	Kategori Tahap	Skala Tahap Kefahaman X Responden	Jumlah Keseluruhan Skala Tahap Kefahaman Dialog
1.	Sangat Faham (SF)	120X 36	3457 – 4320
2.	Faham (F)	96 X 36	2593 – 3456 (3092)
3.	Tidak Pasti (TP)	72 X 36	1729 – 2592
4.	Rendah Kefahaman (RF)	48 X 36	864 – 1728
5.	Sangat Rendah Kefahaman (SRF)	24 X 36	0 – 864

Berdasarkan kepada Jadual 2, data telah menunjukkan bahawa tahap kefahaman AJK Fatwa Kebangsaan terhadap Konsep Asas Dialog Antara Agama berada dalam Kategori “Faham (F)” iaitu dengan jumlah markah keseluruhan 1849 markah. Manakala Pegawai Agama Dakwah Negeri sebagaimana jumlah

keseluruhan markah iaitu 1243 pada Jadual 3 juga menunjukkan pada Kategori “Faham (F)”. Maka dengan ini jumlah keseluruhan bagi kedua-dua kumpulan ketua agama Islam ini adalah (1849 + 1243 = 3092). Oleh itu jika dirujuk kepada Jadual 4, Skala Tahap Kefahaman Dialog (STKD) bagi keseluruhan Ketua Agama Islam ia menunjukkan pada tahap “Faham (F)” iaitu di antara Skala Markah 2593 – 3456. Maka dengan dapatan ini kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman Ketua Agama Islam di Malaysia terhadap Konsep Asas Dialog Antara Agama berada pada kategori kedua iaitu tahap “Faham (F)”.

(b) Tahap kefahaman ketua agama Kristian secara keseluruhan terhadap konsep asas dialog antara agama.

Jadual 5: Skala Tahap Kefahaman Dialog bagi Paderi (Ahli CCM)

Bil.	Kategori Tahap	Skala Tahap Kefahaman X Responden	Jumlah Skala Tahap Kefahaman Dialog
1	Sangat Faham (SF)	120X 15	1441 – 1800(1633)
2	Faham (F)	96 X 15	1081 - 1440
3	Tidak Pasti (TP)	72 X 15	721 - 1080
4	Rendah Kefahaman (RF)	48 X 15	361 - 720
5	Sangat Rendah Kefahaman (SRF)	24 X 15	0 - 360

Jadual 6: Skala Tahap Kefahaman Dialog bagi Ketua Organisasi Kristian (Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM)

Bil.	Kategori Tahap	Skala Tahap Kefahaman X Responden	Jumlah Skala Tahap Kefahaman Dialog
1	Sangat Faham (SF)	120X 13	1249 - 1560
2	Faham (F)	96 X 13	937 - 1248
3	Tidak Pasti (TP)	72 X 13	625 – 936(772)
4	Rendah Kefahaman (RF)	48 X 13	313 - 624
5	Sangat Rendah Kefahaman (SRF)	24 X 13	0 - 312

Jadual 7: Skala Tahap Kefahaman Dialog bagi keseluruhan Ketua Agama Kristian

Bil.	Kategori Tahap	Skala Tahap Kefahaman X Responden	Jumlah Keseluruhan Skala Tahap Kefahaman Dialog
1	Sangat Faham (SF)	120X 28	2689 - 3360
2	Faham (F)	96 X 28	2017 – 2688 (2405)
3	Tidak Pasti (TP)	72 X 28	1345 - 2016
4	Rendah Kefahaman (RF)	48 X 28	673 - 1344
5	Sangat Rendah Kefahaman (SRF)	24 X 28	0 - 672

Berdasarkan kepada Jadual 5, data telah menunjukkan bahawa tahap kefahaman Paderi (Ahli CCM) terhadap Konsep Asas Dialog Antara Agama berada dalam Kategori “Sangat Faham (SF)” iaitu dengan jumlah markah keseluruhan 1633 markah. Manakala Ketua Organisasi (Bersekutu & Gabungan CCM) sebagaimana jumlah keseluruhan markah iaitu 772 markah pada Jadual 6 menunjukkan pada Kategori “Tidak Pasti (TP)”. Maka dengan ini jumlah keseluruhan bagi kedua-dua kumpulan ketua agama Kristian ini adalah (1633+ 772 = 2405). Oleh itu jika dirujuk kepada Jadual 7, Skala Tahap Kefahaman Dialog bagi keseluruhan Ketua Agama Kristian berada pada tahap Kategori “Faham (F)” iaitu di antara Skala Markah 2017 - 2688.

Dapatan Kajian: Kesan Kefahaman Terhadap Hubungan Sosial

Pada bahagian kesan kefahaman konsep asas dialog antara agama terhadap hubungan sosial, penulis telah membahagikan soalan kepada lima tema. Tema ini telah diaplikasi oleh Ghazali (1988) dalam mengukur hubungan toleransi di kalangan masyarakat Islam dan Kristian di dua negara iaitu Malaysia dan Nigeria yang melibatkan responden di kalangan masyarakat awam dan ketua agama iaitu Paderi dan Imam. Tema ini juga telah diaplikasi oleh Khairulnizam dan Suzy (2012) dalam mengukur kesan kefahaman konsep asas dialog antara agama

terhadap hubungan sosial di kalangan Ketua Organisasi NGO Berasaskan Agama.

Lima tema tersebut adalah, (A) Hubungan Sosial dan Interaksi iaitu pada soalan 3, 4, 5, 8, 13 dan 17. (B) Sikap Eksklusif iaitu pada soalan 1, 2, 6, 7, 9, 10, 11, 12, 14, 15, 16, 18, 20, 22, 23 dan 24. (C) Sikap Altruistik iaitu pada soalan 17, 19, 21 dan 32. (D) Kerjasama dalam penyelesaian konflik iaitu pada soalan 28, 29, 30, 31 dan 33. (E) Kerjasama dalam hal-hal dakwah dan mubaligh iaitu pada soalan 25, 26, 27, 32 dan 34.

Memandangkan kajian ini adalah kajian kualitatif maka untuk menentukan tahap kesan kefahaman terhadap tema-tema hubungan sosial secara deskriptif sahaja akan mengurangkan kesahan (*validity*) keputusan. Oleh itu untuk meninggikan tahap kesahan kesan kefahaman terhadap lima tema hubungan sosial setiap ketua agama Islam dan Kristian, penulis telah membina skala mengukur kesan hubungan sosial yang diberi nama “Skala Kesan Hubungan Sosial 1 dan 2 (SKHS 1 dan SKHS 2)” dengan bersandarkan Skala Kesan Hubungan Sosial 1 dan 2 Khairulnizam dan Suzy (2012). Skala ini dibina adalah berdasarkan jumlah keseluruhan markah asal (tertinggi kepada terendah) yang dikumpul oleh setiap responden berdasarkan “Borang Soal Selidik Kefahaman Dialog” yang diedarkan kepada setiap responden. Jika seorang responden mendapat markah yang tinggi maka kesan kepada tema hubungan sosial juga tinggi dan jika markah yang dikumpul adalah rendah maka kesan kepada tema hubungan sosial adalah rendah. Soalan Bahagian D: Hubungan Sosial yang merangkumi kelima-lima tema yang terlibat menggunakan “Skala Kesan Hubungan Sosial 1 (SKHS 1)” adalah soalan, 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 10, 11, 13, 15, 17, 19, 21, 23 dan 25. Manakala bagi Soalan 9, 12, 14, 16, 18, 20, 22, 24, 26 dan 27 masing-masing adalah soalan-soalan sambungan yang menyatakan sebab sama ada mereka bersetuju atau tidak bersetuju kepada persoalan yang diajukan. Maka pada soalan-soalan ini huraian secara deskriptif berdasarkan peratus akan digunapakai. Seterusnya bagi

soalan 28, 29, 30, 31, 32, 33 dan 34, pengukuran akan menggunakan “Skala Kesan Hubungan Sosial 2 (SKHS 2)” iaitu dengan menyelaraskan dapatan keputusan daripada “Skala Likert” sepertimana yang terdapat di dalam Borang Soal Selidik. Jika markah yang dikumpul adalah tinggi iaitu daripada “Sangat bersetuju” kepada “Sangat tidak bersetuju” maka ukuran kesan kepada tema-tema tersebut adalah “Sangat tinggi” kepada “Sangat rendah”. Jadual bagi setiap pengukuran dibahagikan mengikut tema-tema hubungan sosial.

Responden Islam:

Jadual 8: Skala Kesan Hubungan Sosial 1 (SKHS 1)

Bil	Kategori (%)	Tahap
1.	80 -100	Sangat Tinggi (ST)
2.	60-79	Tinggi (T)
3.	40 – 59	Sederhana (SD)/ Pertengahan
4.	20 -39	Rendah (R)
5.	0 – 19	Sangat Rendah (SR)

(a) Kesan Hubungan Sosial dan Interaksi – Keseluruhan Ketua Agama Islam

Berdasarkan kepada Jadual 8, kajian menunjukkan bahawa kesan hubungan sosial dan interaksi AJK Fatwa Kebangsaan berada pada tahap “Rendah (R)” iaitu dengan 38.6 % sahaja iaitu dengan markah keseluruhan 153 daripada 396. Manakala Pegawai Agama Dakwah Negeri juga turut berada pada tahap “Rendah (R)” iaitu dengan 35 % dengan markah keseluruhan 88 daripada 252. Maka dengan ini kajian menunjukkan bahawa Ketua Agama Islam mempunyai hubungan sosial dan interaksi yang “Rendah” terhadap Ketua Agama Kristian iaitu dengan Purata 37.2 %.

(b) Kesan Sikap Eksklusif - Keseluruhan Ketua Agama Islam

Berdasarkan kepada Jadual 8 kajian telah menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan AJK Fatwa Kebangsaan dan Pegawai Agama Dakwah Negeri mempunyai sikap eksklusif

terhadap agama sendiri pada tahap “Sederhana (SD)” iaitu masing-masing dengan 42 % dan 43 % dengan jumlah markah masing-masing pada 287 daripada 682 dan 186 daripada 434. Maka dengan ini kajian menunjukkan bahawa Ketua Agama Islam mempunyai sikap eksklusif pada tahap “Sederhana (SD)” iaitu dengan Purata 42.4 %.

(c) Kesan Sikap Altruistik – Keseluruhan Ketua Agama Islam.

Merujuk kepada Jadual 8 kajian menunjukkan bahawa AJK Fatwa Kebangsaan mempunyai sikap altruistik pada tahap “Sederhana (SD)” atau pada tahap pertengahan iaitu dengan 59.2%. Ini berbeza dengan Pegawai Agama Dakwah Negeri yang mempunyai sikap altruistik yang “Sangat Tinggi (ST)” iaitu dengan 88 %. Walaubagaimanapun jika penulis mengambil-kira purata bagi kedua-dua kumpulan ini maka kesimpulannya tahap sikap altruistik bagi Ketua Agama Islam adalah pada tahap “Tinggi (T)” dengan Purata 62.3%.

(d) Kesan Kerjasama dalam Penyelesaian Konflik – Keseluruhan Ketua Agama Islam

Jadual 9: Skala Kesan Hubungan Sosial 2 (SKHS 2) bagi AJK Fatwa Kebangsaan

Bil	Kategori Tahap	Skala Kesan X Responden	Jumlah Keseluruhan Skala Kesan Hubungan Sosial 2 (SKHS 2)
1.	Sangat Tinggi (ST)	35 x 22	617 - 770
2.	Tinggi (T)	28 x 22	463 - 616
3.	Sederhana (SD)	21 x 22	309 - 462 (399)
4.	Rendah (R)	14 x 22	155 - 308
5.	Sangat Rendah (SR)	7 x 22	0 - 154

Jadual 10: Skala Kesan Hubungan Sosial 2 (SKHS 2) bagi Pegawai Agama Dakwah Negeri

Bil	Kategori Tahap	Skala Kesan X Responden	Jumlah Keseluruhan Skala Kesan Hubungan Sosial 2 (SKHS 2)
1.	Sangat Tinggi (ST)	35 x 14	393 - 490
2.	Tinggi (T)	28 x 14	295 - 392 (297)
3.	Sederhana (SD)	21 x 14	197 - 294
4.	Rendah (R)	14 x 14	99 - 196
5.	Sangat Rendah (SR)	7 x 14	0 - 98

Jadual 11: Skala Kesan Hubungan Sosial 2 (SKHS 2) bagi keseluruhan Ketua Agama Islam

Bil	Kategori Tahap	Skala Kesan X Responden	Jumlah Keseluruhan Skala Kesan Hubungan Sosial 2 (SKHS 2)
1.	Sangat Tinggi (ST)	35 x 36	1009 - 1260
2.	Tinggi (T)	28 x 36	757 - 1008
3.	Sederhana (SD)	21 x 36	505 - 756 (696)
4.	Rendah (R)	14 x 26	253 - 504
5.	Sangat Rendah (SR)	7 x 36	0 - 252

Berdasarkan Jadual 9, kajian menunjukkan bahawa sikap kerjasama dalam penyelesaian konflik bagi AJK Fatwa Kebangsaan berada pada tahap “Sederhana (SD)” atau pertengahan iaitu dengan markah keseluruhan 399 markah. Manakala Pegawai Agama Dakwah Negeri sebagaimana pada Jadual 10 jumlah memperoleh keseluruhan markah iaitu 297 menunjukkan pada tahap “Tinggi (T)”. Maka dengan ini jumlah keseluruhan kedua-dua kumpulan ini adalah (399 + 297 = 696). Oleh itu jika dirujuk kepada Jadual 11, Skala Kesan Hubungan Sosial 2 (SKHS 2) bagi keseluruhan Ketua Agama Islam ia menunjukkan pada tahap “Sederhana (SD)” iaitu di antara Skala Markah 505 – 756.

(e) Kesan dalam Hal-hal Dakwah dan Mubaligh – Keseluruhan Ketua Agama Islam.

Berdasarkan Jadual 8 Skala Kesan Hubungan Sosial 1 (SKHS 1), kajian menunjukkan bahawa sikap AJK Fatwa Kebangsaan dan Pegawai Agama Dakwah Negeri dalam hal-hal dakwah berada pada tahap “Tinggi (T)” iaitu 70.5% dan 73 %. Maka dengan ini kajian menunjukkan bahawa purata sikap Ketua Agama Islam dalam hal-hal dakwah adalah 71.4 % iaitu masih pada tahap “Tinggi (T)”.

Responden Kristian:

Jadual 12: Skala Kesan Hubungan Sosial 1 (SKHS 1)

Bil	Kategori (%)	Tahap
1.	80 -100	Sangat Tinggi (ST)
2.	60-79	Tinggi (T)
3.	40 – 59	Sederhana (SD) (Peringkat Pertengahan)
4.	20 -39	Rendah (R)
5.	0 – 19	Sangat Rendah (SR)

(a) Kesan Hubungan Sosial dan Interaksi – Keseluruhan Ketua Agama Kristian

Berdasarkan kepada Jadual 12, kajian menunjukkan bahawa kesan hubungan sosial dan interaksi Paderi (Ahli CCM) berada pada tahap “Tinggi (T)” iaitu dengan 62.2 % iaitu dengan markah keseluruhan 168 daripada 270. Manakala Ketua Organisasi Kristian (Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) berada pada tahap “Sangat Rendah (SR)” iaitu hanya 18.8 % dengan markah keseluruhan 44 daripada 234. Maka dengan ini kajian menunjukkan bahawa Ketua Agama Kristian mempunyai hubungan sosial dan interaksi pada tahap “Sederhana” terhadap Ketua Agama Islam iaitu dengan Purata 42.1 %.

(b) Kesan Sikap Eksklusif – Keseluruhan Ketua Agama Kristian

Berdasarkan kepada Jadual 12, kajian telah menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan Paderi (Ahli CCM) dan Ketua Organisasi Kristian (Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) mempunyai sikap eksklusif terhadap agama

sendiri pada tahap “Rendah (R)” iaitu masing-masing dengan 33.8 % dan 38 % dengan jumlah markah masing-masing pada 157 daripada 465 dan 153 daripada 403. Maka dengan ini kajian menunjukkan bahawa Ketua Agama Kristian mempunyai sikap eksklusif pada tahap “Rendah (R)” iaitu dengan Purata 35.7 %.

(c) Kesan Sikap Altruistik – Keseluruhan Ketua Agama Kristian.

Merujuk kepada Jadual 12, kajian menunjukkan bahawa Paderi (Ahli CCM) mempunyai sikap altruistik pada tahap “Sangat Tinggi (ST)” iaitu dengan 96.1%. Ini berbeza dengan Ketua Organisasi Kristian (Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) yang mempunyai sikap altruistik pada tahap “Tinggi (T)” iaitu dengan 68.1%. Walaubagaimanapun jika penulis mengambil-kira purata bagi kedua-dua kumpulan ini maka kesimpulannya tahap sikap altruistik bagi Ketua Agama Kristian adalah pada tahap “Sangat Tinggi (ST)” dengan Purata 82.8 %.

(d) Kesan Kerjasama dalam Penyelesaian Konflik – Keseluruhan Ketua Agama Kristian.

Jadual 13: Skala Tahap Kesan Hubungan Sosial 2 bagi Paderi(Ahli CCM)

Bil	Kategori Tahap	Skala Kesan X Responden	Jumlah Keseluruhan Skala Kesan Hubungan Sosial 2 (SKHS 2)
1.	Sangat Tinggi (ST)	35 x 15	421 - 525
2.	Tinggi (T)	28 x 15	316 – 420 (359)
3.	Sederhana (SD)	21 x 15	211 - 315
4.	Rendah (R)	14 x 15	106 - 210
5.	Sangat Rendah (SR)	7 x 15	0 - 105

Jadual 14: Skala Tahap Kesan Hubungan Sosial 2 bagi Ketua Organisasi Kristian (Ahli Bersekutu & Gabungan CCM)

Bil	Kategori Tahap	Skala Kesan X Responden	Jumlah Keseluruhan Skala Kesan Hubungan Sosial 2 (SKHS 2)
1.	Sangat Tinggi (ST)	35 x 13	365 - 455
2.	Tinggi (T)	28 x 13	274 - 364 (292)
3.	Sederhana (SD)	21 x 13	183 - 273
4.	Rendah (R)	14 x 13	92 - 182
5.	Sangat Rendah (SR)	7 x 13	0 - 91

Jadual 15: Skala Tahap Kesan Hubungan Sosial 2 bagi keseluruhan Ketua Kristian

Bil	Kategori Tahap	Skala Kesan X Responden	Jumlah Keseluruhan Skala Kesan Hubungan Sosial 2 (SKHS 2)
1.	Sangat Tinggi (ST)	35 x 28	785 - 980
2.	Tinggi (T)	28 x 28	589 - 784 (651)
3.	Sederhana (SD)	21 x 28	393 - 588
4.	Rendah (R)	14 x 28	197 - 392
5.	Sangat Rendah (SR)	7 x 28	0 - 196

Berdasarkan Jadual 13 dan Jadual 14, kajian menunjukkan bahawa sikap kerjasama dalam penyelesaian konflik bagi Paderi (Ahli CCM) dan Ketua Organisasi Kristian (Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) berada pada tahap “Tinggi (T)” iaitu dengan markah keseluruhan 359 dan 292 markah. Maka dengan ini jumlah keseluruhan kedua-dua kumpulan ini adalah $(359 + 292 = 651)$. Oleh itu jika dirujuk kepada Jadual 15 Skala Kesan Hubungan Sosial 2 (SKHS 2) bagi keseluruhan Ketua Agama Kristian ia menunjukkan pada tahap “Tinggi (T)” iaitu di antara Skala Markah 589-784.

(e) Kesan dalam Hal-hal Dakwah dan Mubaligh – Keseluruhan Ketua Agama Kristian. Berdasarkan Jadual 12, kajian menunjukkan bahawa sikap Paderi (Ahli CCM) dan Ketua

Organisasi Kristian (Ahli Bersekutu dan Gabungan CCM) dalam hal-hal dakwah berada pada tahap “Tinggi (T)” iaitu 77.1% dan 77.8%. Maka dengan ini kajian menunjukkan bahawa purata sikap Ketua Agama Kristian dalam hal-hal dakwah adalah 77.4% iaitu masih pada tahap “Tinggi (T)”.

Perbincangan

Berdasarkan kepada dapatan kajian penulis dapat membuat beberapa analisa. Di antaranya: (1) Secara perbandingan tahap kefahaman Ketua Agama Islam dan Kristian terhadap konsep asas dialog antara agama adalah sama iaitu pada tahap “Faham”. (2) Terdapat hanya tiga faktor yang mempengaruhi kefahaman Ketua Agama Islam dan Kristian terhadap konsep asas dialog antara agama iaitu Faktor Pertama (F1): Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan, Faktor Kedua (F2): Pengalaman dalam dialog antara agama dan Faktor Ketiga (F3): Tahap Keagamaan. (3) Tahap Pendidikan, Pendidikan Agama dan Proses Pendidikan iaitu pendidikan formal sebagai medan utama untuk mendapatkan maklumat mengenai dialog antara agama adalah saling berkaitan, selari dan amat penting dalam menentukan tahap kefahaman yang baik di kalangan Ketua Agama Islam dan Kristian. (4) Secara perbandingan tahap kesan hubungan sosial Ketua Agama Kristian adalah lebih baik berbanding Ketua Agama Islam iaitu tahap “Tinggi (T)” berbanding tahap “Sederhana (SD)”. (5) Secara keseluruhan terdapat lima faktor yang mempengaruhi tahap kesan hubungan sosial Ketua Agama Islam dan Kristian iaitu Faktor Pertama (F1): Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/Proses Pendidikan, Faktor Kedua (F2): Pengalaman dalam dialog antara agama, Faktor Ketiga (F3): Tahap Keagamaan, Faktor Keempat (F4): Tuntutan Semasa (Organisasi) dan Faktor Kelima (F5): Faktor Politik. (6) Secara perbandingan tahap “Sederhana (SD)” kesan hubungan sosial yang diperolehi oleh Ketua Agama Islam banyak dipengaruhi oleh Faktor Keempat (F4): Tuntutan Semasa (Organisasi). Manakala tahap “Tinggi (T)” yang

diperolehi oleh Ketua Agama Kristian banyak dipengaruhi secara seiring oleh Faktor Pertama (F1): Tahap Pendidikan/Pendidikan Agama/ Proses Pendidikan dan Faktor(F4): Tuntutan Semasa(Organisasi). (7) Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kefahaman yang baik terhadap konsep asas dialog antara agama dengan kesan hubungan sosial di kalangan Ketua Agama Islam dan Kristian. (8) Daripada keseluruhan analisa yang dibuat, satu model ejen dialog terutama dialog penyelesaian konflik dalam konteks Malaysia dapat dibentuk yang penulis namakan sebagai Model Ejen Dialog Antara Agama (*Model Agent of Interfaith Dialogue*)(MA_IFD). Model ini diasaskan oleh empat ciri utama iaitu, (1) Berilmu (*Knowledgeable*), (2) Berpengalaman (*Well Experienced*), (3) Personaliti yang Baik(*Good Personality-Religious*) dan (4) Hubungan Sosial yang baik (*Good Relationship Building*). (9) Satu Kerangka Kerja (*framework*) penyelidikan baru hasil daripada dapatan kajian yang melibatkan dua variabel yang dikaji iaitu kefahaman dan hubungan sosial juga dapat di bentuk berserta jadual diagnosis kefahaman ketua agama Islam dan Kristian di Malaysia terhadap konsep asas dialog antara agama dan kesanya terhadap hubungan sosial. Diagnosis itu diberi nama *Diagnostic Understanding of Religious Leader (Islam-Christian) on Interfaith Dialogue Basic Concept and Effects to Social Relation (Diagnostic Understanding IFD-SR)*.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian iaitu wujudnya hubungan yang signifikan di antara tahap kefahaman yang baik terhadap konsep asas dialog antara agama dengan kesan hubungan sosial di kalangan Ketua Agama Islam dan Kristian, maka adalah suatu yang penting untuk setiap agama untuk memastikan setiap wakil yang dihantar untuk berdialog terutama di kalangan ketua agama agar memahami (1) konsep asas dialog antara agama dengan baik, (2) mempunyai tahap pendidikan formal dan pendidikan agama yang baik dan (3) mempunyai

tahap keagamaan yang baik. Ini adalah kerana jika hubungan sosial yang baik dapat dibentuk di kalangan ketua agama di luar kekangan dialog maka ia akan dapat mengurangkan ketegangan semasa proses dialog berlangsung terutama dialog ke arah penyelesaian konflik.

Rujukan

Abdullah, A. B. (2004). Utusan Malaysia. 4 Ogos 2004.

Berg, B. L. (2009). *Qualitative Research Method for the Social Sciences*. c.7. Pearson Education Inc, Boston, USA.

Chua, Y.P (2006 a). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 1*. McGraw- Hill, Kuala Lumpur, Malaysia.

_____. (2006 b). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan Buku 2*. McGraw- Hill, Kuala Lumpur, Malaysia.

Doctor, N. (2008). *Multi-Track Diplomacy through Enhancing Interreligious Understanding: A case Study in Abrahamic Dialogue between Jordanian and American Students* (disertasi untuk memenuhi sebahagian keperluan untuk Jordan: Moderization and Social Change School for International Training, University of Tulsa, Amman, Jordan).

Fitzsimmons, M. J. (2008). *The Christian Practice of Hospitality: A Model for Interfaith Dialogue for Presbyterian & Roman Catholic Youth* (Kertas kerja untuk memenuhi sebahagian daripada Degree of Doctor of Ministry Faculty of Pittsburgh Theological Seminary).

Ghazali, B. (1988). *A Comparative Study on Religious Tolerance in Post -Independence Malaysia and Nigeria with Special Reference to Christian and Muslim Relation*. (Tesis Doktor Falsafah, University Aberden).

Ghazali, B. (2005). *Pengalaman Lalu, Cabaran*

- Semasa dan Prospek, Siri Monograf 9 Dialog Antara Agama di Malaysia. Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Halsall, A., & Roebben, B. (2006). Intercultural and Interfaith Dialogue through Education, *Religious Education*. 101(4):443-452.
- Hunt, R. (2009). Can Muslim Engage in Interreligious Dialogue? A study of Malay Muslim Identity in Contemporary Malaysia, *The Muslim World*. Vol.99. Blackwell Published Ltd, United Kingdom.
- Lian, J. B. T. (2010). Sensemaking and Sensegiving during Organizational Change: A Case Study of a Singapore Religious Leader (Tesis Doktor Falsafah Pendidikan, George Washington University, USA).
- Kamar Oniah, K. (2010). Inter-Faith Dialogue-Moving Forward: Setting Premises and Paradigm. Religion and Pluralistic Co-Existence: The Muhibbah Perspective(A Collection of Seminar Paper), IIUM Press, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Khairulnizam, M. K., & Suzy, A. S. (2012). Measuring religious leaders (Muslim – Non Muslim) understanding on Interfaith Dialogue basic concept and its effect to social relation: a preliminary, *The Journal of Islamic Knowledge*, 2 (2).
- Khairulnizam, M. K. (2005). Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia:Kajian Inter-Faith Spiritual Fellowship (INSaF) dan Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya (Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Aqidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Longchar, W. (2009). Beyond Four Walled Campuses: Model of Ecumenical Theological Education in Interfaith Issues in India, *International Review of Mission*, 98(1).
- Lowndes, V., & Chapman, R. (2005). "Faith, hope and clarity: Developing a model of faith group involvement in civil renewal", (Laporan Utama: Kajian ini di bawah program Civil Renewal Research Program yang dikelola oleh Local Governance Research Unit, De Montfort University Leicester , United Kingdom.)
- Mahathir, M. (2002). *New Straits Time*. Dipetik pada 27 Februari 2002.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study application in education*, c.2, CA Jossey-Bass, San Francisco, USA.
- Moberg, M. (2009). *Experiencial Encounters: New Model of Interfaith Dialogue*, (Tesis untuk memenuhi sebahagian daripada Degree of Master of Science di George Mason University).
- Mohammed Abu Nimer (2001). *Conflict Resolution, Culture and Religion: Towards a Training Model of Interreligious Peacebuilding*, *Journal of Peace Research*. Jil.38.London: Sage Publication (Diterbitkan bagi pihak International Peace Research Institute, Oslo, Norway).
- Special Report. (2004). *What Works? Evaluating Interfaith Dialogue Programs*. United States Institute of Peace, Washington, USA.
- Sterland, B., & Beauclerk, J. (2008). "Faith Communities as Potential Agents for Peace Building in the Balkans (Analysis of faith-based interventions towards conflict transformation and lasting reconciliation in post-conflict countries of former Yugoslavia) (Laporan penuh penyelidikan yang ditaja oleh Norwegian Church Aid yang dijalankan pada 1 Oktober – 31 Disember 2007).
- Wan Sabri, W. Y., & Arfah, A. M. (2012). Inter-Religious Dialogue Models in Malaysia, *Global Journal Al Thaqafah*, 2 (1): 7-13. doi : 10.7187/GJAT092012.02.01
- Yasril, Y. (2005). *Pro Kontra Dalam Pluralisme Agama: Kajian Terhadap Konflik Sosial Keagamaan dan Sikap Toleransi Beragama di*

Indonesia. (Tesis Doktor Falsafah Usuluddin, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia).

Yusri, R. (2007). Dialog Antara Agama di Malaysia: Perkembangan Dalam Sejarah Separuh Abad Selepas Merdeka (Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan III, anjuran Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia 6-7 Ogos 2007).